

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, October 18, 2018 5:27 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: Program Perakaunan TISSA-UUM: Program Akreditasi EPAS Pertama Dan Satu-Satunya Di Malaysia



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

18 OKTOBER 2018 / 09 SAFAR 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

PROGRAM PERAKAUNAN TISSA-UUM: PROGRAM AKREDITASI EPAS PERTAMA DAN SATU-SATUNYA DI MALAYSIA



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz, Universiti Utara Malaysia (TISSA-UUM) mengharumkan nama UUM dan negara apabila dua program yang ditawarkan di pusat pengajian berkenaan dianugerahkan akreditasi EFMD Programme Accreditation System (EPAS) daripada European Foundation for Management Development (EFMD), sebuah pertubuhan antarabangsa tidak berasaskan keuntungan yang berpangkalan di Brussels, Belgium.

Pencapaian ini menjadikan program Perakaunan yang ditawarkan oleh TISSA-UUM sebagai program pertama dan satu-satunya yang menerima akreditasi EPAS di Malaysia.

Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata akreditasi ini dianugerahkan kepada dua program iaitu Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian [B. Acct. (Hons.)] dan Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat) dengan Kepujian [B.Acct. (IS)(Hons.)].

"Penilaian yang dilaksanakan oleh EPAS telah meluluskan kedua-dua program berkenaan untuk akreditasi selama tiga tahun, sekaligus mengesahkan keupayaan TISSA-UUM untuk merekabentuk dan menghasilkan modal insan masa depan yang sangat berdaya saing di peringkat antarabangsa," ujarnya.

Tambah beliau, proses penilaian EPAS adalah mendalam dan melibatkan faktor penilaian yang ketat termasuk proses rekabentuk kursus, objektif dan hasil pembelajaran, kandungan kurikulum, keseimbangan antara fokus antarabangsa, teori akademik dan pembelajaran berasaskan pengalaman, dana yang diperuntukkan oleh institusi untuk menyokong program, kualiti fakulti dan penglibatan industri serta alumni.

Kepercayaan yang tinggi dari EFMD dan akreditasi AACSB yang diperoleh sebelumnya menandakan kualiti pendidikan yang dicapai oleh TISSA-UUM, iaitu pendidikan yang diperkaya oleh pelajar, fakulti, kakitangan dan alumni.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.